

21/12/1999

Zahir kesal pembangkang ingkar arahan

BAGI Tun Mohamed Zahir Ismail, selama 17 tahun menjadi Yang Dipertua Dewan Rakyat, inilah kali pertama beliau terpaksa berhadapan dengan ahli dewan yang langsung tidak mematuhi peraturan mesyuarat dan tidak menghormati kedudukannya.

"Saya rasa sangat dukacita apabila mereka tidak mahu duduk apabila saya suruh duduk. Dalam peraturan mesyuarat saya boleh minta mereka duduk.

"Jika mereka degil, saya boleh minta mereka keluar dewan, ada kuasa-kuasanya. Tetapi pagi ini kita tak payah gunakan kuasa itu kerana ia ada pada permulaan dewan," katanya ketika diminta mengulas mengenai kekecohan yang berlaku di Dewan Rakyat sebelum upacara mengangkat sumpah, semalam.

Mohamed Zahir berkata, beliau tidak sangka pembangkang akan bersikap begitu tegang dan berasa kesal kerana mereka tidak membaca peraturan mesyuarat terlebih dahulu sebelum membuat sebarang bantangan.

Katanya, bantahan yang dibuat sebelum Speaker Dewan Rakyat dilantik menjadikan keadaan lebih kecoh kerana Setiausaha Dewan Rakyat, Datuk Mohd Salleh Hassan, tidak mempunyai kuasa untuk membuat sebarang keputusan.

Kerana itu, katanya, tindakan pantas Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, mencadangkan pelantikan Speaker dan diluluskan Dewan Rakyat sekali gus memberikan kuasa kepadanya untuk membetulkan keadaan.

Ditanya sama ada mana-mana Ahli Parlimen yang baru patut diberi kursus sebelum menghadiri sidang, beliau berkata: "Mereka adalah ketua-ketua tidak payahlah mereka diberi kursus."

Sementara itu, Menteri Pembangunan Usahawan, Datuk Nazri Aziz, berkata tindakan itu adalah percubaan awal pembangkang untuk menunjukkan kepentingan mereka di Dewan Rakyat.

"Tetapi saya nampak perkara ini dirancang oleh Lim Kit Siang (bekas ketua pembangkang dan Pengerusi DAP)... ia adalah tindakan yang akan dibuat oleh Kit Siang," katanya.

Datuk Dr Mahadzir Mohd Khir (BN-Sungai Petani) pula berkata, tindakan pembangkang adalah satu cara untuk mendapat publisiti murahan terutama untuk mencuri tumpuan media asing yang turut hadir.

(END)